



Shaharudin  
Idrus

MINDA INTELEK

# Menelusuri laluan kelestarian pendidikan

**U**SAHA membentuk warga yang celik alam sekitar seiring dengan pendidikan untuk pembangunan lestari yang menekankan aspek kelestarian sosial, ekonomi dan alam sekitar amat penting.

Kefahaman mengenai konsep pembangunan lestari dan aspek yang berkaitan dengannya akan membawa kepada pembentukan dan pembangunan satu masyarakat yang berdaya huni dengan alam sekitarnya terpelihara serta ekonomi yang kukuh.

Oleh itu, penganjuran aktiviti atau program berkaitan amat disokong sama ada di peringkat sekolah mahupun universiti. Contoh terbaik ialah Program Sekolah Lestari, Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) sudah berada di persada kelestarian negara sejak lebih satu dasawarsa yang lampau.

Program yang berasaskan pendekatan menyeluruh warga sekolah itu mendapat sambutan yang menggalakkan daripada seluruh negara. Ia bukanlah satu bentuk pertandingan mutlak, sebaliknya satu pengiktirafan tertinggi terhadap usaha yang dilaksanakan dalam membudayakan nilai murni alam sekitar pada peringkat sekolah.

Tahun ini, Program SLAAS telah memasuki pusingan ketiga (2009/2010) setelah melalui pusingan pertama pada sesi 2005/2006; dan pusingan kedua (2007/2008). Sabab tahun, pemenangnya bersilih ganti dan impak pengjurannya cukup signifikan dalam memantapkan pengetahuan pelajar sekolah dalam aspek kelestarian alam sekitar.

Dalam konteks yang lebih luas, pembangunan ekonomi secara berterusan boleh menyediakan kekayaan bagi menyelesaikan bukan saja hambatan bagi kelestarian pembangunan seperti mereka yang terpinggir dan miskin, tetapi juga kesan negatif yang terhasil akibat perubahan persekitaran.

Kekayaan yang terlongkok boleh digerakkan bagi memajukan sosioekonomi penduduk sesebuah negara. Dalam suasana negara menuntut kemajuan ekonomi yang tinggi untuk mencapai negara maju menjelang 2020, kerosakan alam sekitar tidak dapat dielakkan, tetapi seharusnya diminimumkan kesannya.

Pembangunan negara yang dipacu dengan pencapaian ekonomi tinggi, iaitu sekitar 10 peratus pada 1980-an hingga 1990-an; dan sekitar lima hingga tujuh peratus pada tempoh 2007 hingga 2011 itu telah membangkitkan kegusaran yang berterusan mengenai keadaan fizikal alam sekitar yang semakin parah jasadnya serta akhirnya menyebabkan ketidakseimbangan sistem ekologi dan ekosistem bumi ini tergugat.

Kesan yang dirasai lebih besar misalnya penipisan lapisan ozon, keadaan iklim yang tidak menentu, banjir yang melampau dan tanah runtuh. Ia telah membangkitkan kegusaran dalam kalangan masyarakat dunia umumnya dan masyarakat di negara ini khususnya. Fenomena yang berlaku telah sedikit sebanyak meningkatkan

kesedaran masyarakat untuk menjaga, memelihara dan memulihara ekosistem bumi ini.

Dalam suasana kegusaran dan kekecwaan itulah program SLAAS ini diketengah dan dilaksanakan bertujuan untuk membudayakan pendidikan dan nilai murni alam sekitar dalam kalangan warga sekolah serta masyarakat sekitarnya dengan tumpuan utama terhadap sekolah rendah dan menengah di bawah kelola Kementerian Pelajaran.

Idea yang terjelma ini adalah inisiatif yang dijalankan berdasarkan beberapa siri perbincangan penting yang diadakan untuk menterjemahkan idea, falsafah dan konsep kepada strategi dan pelan tindakan seiring dengan Dasar Alam Sekitar Negara (DASN). Lahirlah program SLAAS yang diteraju oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Kementerian Pelajaran dengan dukungan kuat Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Dalam sistem pendidikan negara ketika ini, secara purataanya terdapat setengah juta pelajar akan memasuki sistem persekolahan di peringkat sekolah rendah setiap tahun dan jumlah sama juga dijangka menuju ke alam sistem pengajian tinggi atau meneroka alam pekerjaan dan sebagainya.

Jika kelompok itu tidak diterapkan dengan nilai murni alam sekitar sebaik-baiknya, kepentingan menjaga sistem ekologi yang begitu penting dalam penerusan kehidupan masyarakat umumnya dalam

jangka masa 15 hingga 20 tahun akan datang, pelajar berkenaan akan menjadi pemangkin dan duta kepada penerapan nilai murni itu kepada ibu bapa, jiran dan masyarakat di sekelilingnya.

Rata-ratanya rakyat Malaysia kini semakin menyedari mengenai pengaruh dan peri pentingnya alam sekitar terhadap kehidupan harian mereka melalui pelbagai kempen yang dijalankan kerajaan, pihak swasta serta individu yang prihatin terhadap permasalahan alam sekitar yang melanda negara kini.

Pelbagai bencana alam sekitar, isu dan dilema hubung kait kehidupan manusia dan alam sekitar, contohnya kes kencing tikus atau *leptopirosis* yang berlaku di beberapa kawasan perkelahan hutan lipur; perubahan cuaca tidak menentu yang kadang-kadang panas terik dan disertai dengan hujan lebat; banjir besar serta kemarau yang melampau; dan isu sampah sarap bertebaran sedikit sebanyak telah menyedarkan masyarakat umum akan kepentingan memelihara nilai murni alam sekitar kerana jika tidak dijaga akan menghancurkan masa depan negara keseluruhannya.

Kesedaran yang timbul dan diikuti pula dengan tindakan yang sewajarnya akan membantu memahat nilai murni alam sekitar secara lebih berkesan ke dalam diri setiap rakyat agar lebih menukuk ke jiwa serta kalbunya.

Keputusan menerapkan pemahaman alam sekitar sebagai aspek merentas kurikulum menjadi titik-tolak kepada

penerapan nilai murni alam sekitar yang begitu mendalam dalam kalangan guru dan pelajar. Melalui subjek yang merentas kurikulum ini, ia akan menjadikan perjalanan proses untuk melaksanakan SLAAS di persada pendidikan kelestarian negara menjadi lebih mudah.

Jalan yang dirintis akan menyenangkan penganjuran aktiviti alam sekitar yang dilakukan di sekolah seperti Kembara Alam Sekitar, Wira Alam, Pertandingan 3K dan seumpamanya.

Dalam dekad mendatang ini, kelangsungan kemanusiaan amat bergantung kepada kadar celik alam sekitar masyarakatnya iaitu keupayaan untuk memahami prinsip asas persekitaran dan kehidupan di dunia ini. Ini bermakna bahawa celik alam sekitar akan menjadi satu kemahiran kritis kepada ahli politik, pemimpin perniagaan dan ahli profesional.

Ia juga akan menjadi bahagian penting dalam sistem pendidikan pada semua peringkat bermula daripada prasekolah, sekolah rendah, menengah, kolej, universiti dan pendidikan berterusan serta latihan profesional. Celik alam sekitar ini bertujuan untuk membina keutuhan dan menunjukkan bahawa ketidakseimbangan ekosistem yang berlaku adalah cerminan ketidakseimbangan pemikiran kita dalam memahami kehendak dan naturi ekosistem semula jadi yang wujud di muka bumi ini.

Untuk mencapai kelestarian, kita perlu menggali hingga ke akar umbi budaya masyarakat untuk mengetahui rahsia yang terkandung di dalamnya dan menjauhkan segala kesilapan yang pernah dilakukan akibat sikap buta alam sekitar masyarakat yang wujud sebelum ini.

Proses pembangunan yang

ditempuhi dalam tempoh lebih lima dasawarsa yang lalu sejak negara mencapai kemerdekaan menerusi pembangunan industri, pembandaran dan pelbagai lagi bentuk pemodenan yang dilaksanakan sebahagiannya telah menghancurkan keupayaan ekosistem alam yang menyokong kehidupan sehari-hari masyarakat.

Celik alam sekitar ini menyasarkan untuk mengubah kerosakan paradigma pemikiran yang terpisah-pisah ini dengan alat yang mampu membina pemahaman integrasi terhadap kelestarian menerusi program seumpama SLAAS ini.

Dalam usaha mengekalkan persekitaran yang mampan, pelajar juga disediakan dengan konsep dan fahaman untuk menjadi seorang usahawan sebagai asas persediaan untuk menempuh gerbang alam pekerjaan pada masa depan dan seterusnya membentuk masyarakat yang berpegang teguh dengan prinsip dan nilai murni bukan saja alam sekitar, tetapi juga aspek lain seperti budaya, agama dan bangsa.

Celik alam sekitar ialah asas untuk menyokong peralihan pantas terhadap sistem yang lebih lestari sifatnya dan seterusnya mengundang persoalan mengenai daya huni (*livability*) masyarakat dan juga tempat yang didiaminya.

**Penulis ialah Felo Penyelidik/Pensyarah Kanan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) Universiti Kebangsaan Malaysia.**

**VARSITI** mengalui-alukan pandangan ahli akademik mengenai pelbagai isu menerusi Minda Intelek. Hantarkan pandangan ke [bhvarsiti@bharian.com.my](mailto:bhvarsiti@bharian.com.my)